

# Kredit *top up* cecah RM30,000

**SPRM dapati kegunaan talian telefon prabayar diubah peranan seperti akaun bank**

esan kewujudan ribuan akaun telefon prabayar yang menyimpan kredit nilai tambah nilai (*top up*) tidak munasabah hingga mencecah RM30,000 bagi satu talian prabayar.

“Perkara ini pastinya menimbulkan kecurigaan dan ada hubung kaitnya dengan transaksi secara haram.

“SPRM mendapati kegunaan talian telefon prabayar diubah peranan persis akaun bank. Malah sebelum ini terdapat jumlah simpanan mencecah RM100,000 disorokkan di dalam satu akaun talian prabayar.

“Siasatan menjurus kemungkinan wujudnya beribu-ribu ‘keldai’ talian prabayar yang membenarkan nama mereka didaftarkan untuk memperoleh talian telefon ditawarkan syarikat telco,” katanya.

Menurutnya, perkara itu mula dihidu selepas SPRM memulakan siasatan berhubung isu salah laku telco bermula Julai lalu.

“Sebelum ini tiada had maksimum (penyimpanan kredit tambah nilai prabayar) ditetapkan. Namun Bank Negara Malaysia (BNM) mengarahkan nilai simpanan kredit prabayar dikurangkan kepada jumlah

Nombor	Saldo	Unit
011-11111111	14,327.50	7131
011-22222222	14,327.50	7132
011-33333333	14,327.50	7133
011-44444444	14,327.50	7134
011-55555555	14,327.50	7135
011-66666666	14,327.50	7136
011-77777777	14,327.50	7137
011-88888888	14,327.50	7138
011-99999999	14,327.50	7139
011-00000000	14,327.50	7140
011-11111111	14,327.50	7141
011-22222222	14,327.50	7142
011-33333333	14,327.50	7143
011-44444444	14,327.50	7144
011-55555555	14,327.50	7145
011-66666666	14,327.50	7146
011-77777777	14,327.50	7147
011-88888888	14,327.50	7148
011-99999999	14,327.50	7149
011-00000000	14,327.50	7150

ANTARA bukti nombor telefon dan wang disimpan di dalam akaun talian prabayar yang dibongkar SPRM.

maksimum RM25,000 sahaja.

“Namun siasatan lebih lanjut mendapati masih ada pemilik talian prabayar memiliki sejumlah simpanan tidak munasabah. Sebagai contoh ada remaja lelaki berusia 17 tahun dikesan memiliki nilai kredit *top up* berjumlah RM17,000,” katanya.

Dia berkata, remaja itu yang disiasat mendakwa tidak tahu-menahu berhu-

bung kewujudan duit itu, sekali gus memungkinan sindiket menggunakan identiti mangsa secara haram.

“Siasatan SPRM tidak menolak kemungkinan wang itu adalah hasil kegiatan perjudian, penyeludupan, pelacuran dan pelbagai jenayah *money laundering* (pengubahan wang haram).”

“Kegiatan ini sudah bermula sejak 2015 dan semakin aktif. Buat masa ini SPRM



mengenal pasti sebanyak 970 nombor talian prabayar yang mempunyai jumlah kredit melampau mencecah RM4.7 juta. Setiap nombor telefon ini mempunyai wang di dalamnya antara RM3,000 hingga RM20,000,” katanya.

Menurutnya, semua pemilik nombor telefon prabayar warga tempatan itu dikenal pasti menetap di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

“Buat masa ini semua wang itu (RM4.7 juta) dibekukan dan SPRM masih meniasat sumber sebenar wang berkenaan diperoleh serta disalurkan.

“SPRM turut tidak menolak kemungkinan pembabit-an bekas kakitangan atau ‘orang dalam’ Telco yang membantu sindiket berhubung kaedah penyimpanan wang dalam bentuk *top up* (tambah nilai) ini.

“Mungkin juga sistem ini sengaja dirangka bagi me-

ingkatkan lagi keuntungan Telco melalui kerjasama ‘gelap’. Pihak SPRM yakin tindakan memasukkan nilai *top up* (tambah nilai) dengan jumlah besar ini dilakukan di pejabat Telco dan bukannya melalui pembelian *top up* di kedai atau stesen minyak,” katanya.

Menurutnya, SPRM kini masih meniasat kemungkinan nilai kredit di dalam akaun *prepaid* (prabayar) ini boleh ditukarkan semula kepada wang tunai dengan bantuan ‘orang dalam’ syarikat Telco.

“Walaupun kredit dalam akaun prabayar didakwa tidak boleh ditukarkan kepada wang tunai, namun pasti ada kaedah atau sistem tertentu digunakan termasuk khidmat *third-party* untuk menunaikan wang ini,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi Harian Metro mengesahkan siasatan terhadap kes itu namun enggan mengulas lanjut.

Menurutnya, SPRM masih melakukan siasatan terhadap penemuan terbaharu itu serta mendapatkan butiran terperinci.



Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Pendedahan terbaharu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap jenayah tidak masuk akal. Ia susulan kewujudan aktiviti ‘sorok’ jutaan ringgit wang haram dipercayai hasil kegiatan jenayah penipuan, perjudian serta pelbagai aktiviti gelap lain melalui kredit telefon prabayar.

Taktik licik itu bagaimana-napun berjaya dibongkar SPRM baru-baru ini susulan siasatan dilakukan terhadap kegiatan pengubahan wang haram didalangi sindiket terancang serta salah laku syarikat telekomunikasi tempatan (telco).

Sumber berkata, pakar teknikal SPRM dapat meng-